



Headline	Rafale Buktikan Komitmen Kepada M'sia Untuk Majukan Industri		
MediaTitle	Bernamea(www.bernama.com)		
Date	28 Mar 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	200
Page No	2	Readership	7
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,775
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,325

Rafale Buktikan Komitmen Kepada M'sia Untuk Majukan Industri Aeroangkasa

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8467618970&z=1600249592](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8467618970&z=1600249592)

LANGKAWI, 28 Mac (Bernama) -- Kerjasama Rafale International dengan industri dan universiti membuktikan komitmennya untuk menyumbang ke arah pembangunan keupayaan Malaysia dalam rantaian bekalan industri aeroangkasa global. Syarikat berkata dengan lebih daripada 10 kerjasama yang sedang berlangsung, ia mencerminkan komitmen jangka panjang Rafale kepada Malaysia. Rafale, syarikat usaha sama yang terdiri daripada peneraju aeroangkasa -- Dassault Aviation, Snecma (Safran Group) dan Thales -- sedang membida untuk menawarkan jet-jet pejuangnya kepada Tentera Udara Diraja Malaysia untuk program penggantian jet pejuang buatan Rusia, MiG-29N. Ketua Pegawai Eksekutif Dassault Aviation dan Rafale International Eric Trappier berkata pembangunan modal insan dan teknologi ialah keutamaan untuk Rafale bagi memastikan kejayaan pemindahan teknologi yang diperlukan dan pembangunan bersama teknologi masa depan. "Rafale fokus kepada memajukan kerjasama jangka panjang yang mampan dan projek yang menyumbang ke arah pembangunan modal insan di dalam negara. "Kami percaya dalam perancangan, komitmen dan pelaburan adalah penggerak utama kepada hubungan kami dengan Malaysia," kata beliau dalam satu kenyataan. Kumpulan, yang memajukan jet pejuang pelbagai peranan itu, mempunyai pasukan yang amat berdedikasi yang terus bekerja keras untuk mengenal pasti rakan baharu dan bekerjasama dengan pertubuhan dan badan tempatan. Ia juga telah mewujudkan kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Strand Aerospace Malaysia Sdn Bhd. Rafale juga berusaha sama dengan CTRM Group dan anak-anak syarikatnya, Zetro Aerospace, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Teknologi Mara, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan SME Corp. "Terdapat juga perjanjian-perjanjian baharu dalam perancangan yang kumpulan jangka dalam kenal pasti dalam minggu-minggu akan datang," kata syarikat.